

Segenggam Bara

Oleh: Haizir Othman

I

Kepala Zain masih kuat berdenyut. Benjolan di atas mata kirinya juga masih terasa sakit walau sudah dibebat kain. Calar-balar di lengan, siku hingga ke betis masih belum bertukar parut. Sengal badannya usah cakaplah, hendak menggerakkan bahu ke belakang pun menyakitkan. Teruk juga dia dan Jimi dikerjakan kelmarin. Dia berasa mahu satu badannya diurut untuk membetulkan urat-urat yang lari dan membuang angin yang terkumpul dalam badan. Tapi, mana mahu dicari tukang urut Melayu di tengah-tengah bandar UK ini?

Dengan badan yang sakit-sakit, dia menggagahkan dirinya ke Masjid Sparkbrook kurang lebih dua puluh lima minit di depan dengan berjalan kaki. Dia akan mempengerusikan mesyuarat persatuan pelajar kira-kira selepas Zuhur nanti di sana. Zain meraba poket seluarnya apabila telefon pintarnya bergegar. Seraya mengeluarkannya dari poket, nama yang dilihat tertera di skrin ialah Farhan, rakan sekursusnya dari Pakistan. Zain tersenyum sebelum meleretkan jarinya ke kanan skrin untuk menjawab panggilan.

“Assalamualaikum, *brother* Farhan!” ucap Zain. Suaranya agak terketar-ketar.

“Walaikumussalam, Zain! *Hey, my friend! How’s your condition, brother? I heard something bad happened to you!*” Farhan kedengaran resah di hujung talian.

“Jangan bimbang, Farhan! Badanku masih gagah. Kalau disuruh berenang menyeberangi Sungai Thames sekalipun masih mampu. Ha! Ha! Ha!” Zain bergurau. Sebenarnya dia berasa girang apabila Farhan menghubunginya.

“Di mana kau sekarang, Zain? Aku ingin menemuimu.”

“Aku dalam perjalanan ke Masjid Sparkbrook. Boleh kau pergi ke sana? Kita boleh berjumpa selepas Maghrib nanti.”

“Kau masih aktif berpersatuan? Dalam keadaanmu sekarang?”

“He! He! Jangan pandang rendah kekuatan anak Malaysia, Farhan! Kami sudah menyeberangi Selat Inggeris malah menawan puncak Gunung Everest!”

“Kau memang begini sejak aku mengenalmu. Degil.”

“Ha! Ha! Jumpa kamu di Sparkbrook nanti, Farhan!”

Zain menekan simbol gagang telefon berwarna merah. Dia menyimpan semula telefonnya ke dalam poket seluar sambil tersenyum lebar. Sekurang-kurangnya sakit badannya tidaklah dirasakan seteruk mana apabila mengetahui ada rakan seperti Farhan yang sudi mengambil berat akan keadaannya. Zain bersyukur mempunyai sahabat karib yang baik hati seperti Farhan dan rakan-rakan senegarannya yang menganggotai Persatuan Pelajar Malaysia yang akan ditemuinya beberapa minit lagi.

Perbualan dengan Farhan sebentar tadi telah melekakannya sehingga tidak dia perasan telah melepasi Jalan Edgbaston. Kini, Masjid Sparkbrook tidak jauh di depan. Zain berasa bersemangat lalu mempercepatkan langkah kaki seperti tidak sabar-sabar lagi mahu bertemu rakan-rakannya di sana.

II

“Xenophobia, rasisme, etnosentrisme, chauvinisme, namakan pelbagai lagi istilah sosiologi yang lain. Semua fenomena sosial ini lahir selepas Brexit; selepas United Kingdom mengisytiharkan keluar dari Kesatuan Eropah. Penduduk tempatan berasakan hak mereka terancam dengan kedatangan orang asing ke negara mereka. Bermula dengan kebimbangan pekerjaan mereka diambil oleh orang asing, ia melarat sehingga menimbulkan kebencian kepada orang yang bukan dari bangsa mereka. Kebencian ini seperti virus yang merosakkan hati, mendorong mereka melakukan jenayah dan keganasan terhadap orang lain.”

Rakan-rakan Zain mendengar kata-kata presiden mereka dengan khusyuk. Jauh di sudut hati, mereka berasa simpati dengan keadaan rakan mereka yang menjadi sebahagian daripada statistik mangsa jenayah akibat fenomena Brexit yang berlaku kini. Namun perasaan itu sedikit demi sedikit hilang dibayangi rasa kagum dengan semangat Zain yang tidak berasa lemah walaupun sudah diperlakukan dengan teruk oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Ahli-ahli Persatuan Pelajar Malaysia sedang bermesyuarat untuk menganjurkan program dialog harmoni di komuniti berhampiran universiti mereka tidak lama lagi. Program yang bakal diadakan buat kali pertama ini merupakan usaha awal mereka untuk menjalinkan interaksi dan hubungan baik dengan warga setempat.

Cadangan untuk mengadakan program ini telah lama diajukan. Persediaan peringkat permulaan telah pun dibuat, tetapi siapa sangka peristiwa yang menimpa Zain dan Jimi boleh terjadi?

Zain ingin menyambung ucapan dalam suasana senyap-sunyi itu sebelum tiba-tiba satu suara mencelah dan memotong kata-kata yang mahu dilontarkan Zain.

“Bagaimana keadaan Jimi Chen?”

Jeda seketika. Para pelajar di situ terkejut sebelum semuanya berpaling untuk melihat pemilik suara lembut yang mengajukan soalan secara tiba-tiba itu, Sarah yang sejak awal mesyuarat tiada sepele kata keluar dari bibirnya. Sarah berada di sebelah kanan Zain, selang empat orang pelajar darinya. Gadis kecil molek kelahiran Ipoh itu berada di tahun dua pengajian. Kerut mata dapat dilihat dari balik cermin matanya, seperti menyimpan satu persoalan berat yang mahu dikeluarkan segera.

“Oh, Jimi, err..., dia sedang berehat di bilik!” Zain menjawab terbata-bata.

“Oh, nampaknya Encik Presiden tak menjawab soalan saya. Saya berpandangan keadaan Jimi Chen tidak berapa baik melihat kepada jawapan berselindung dari Zain. Kedua, melihat kepada keadaan fizikal Zain sendiri yang kita semua nampak – kepala berbalut, mata lebam, pipi bercalar. Maaf, Encik Zain! Saya tidak rasa kita patut meneruskan program kita ini berdasarkan situasi sekarang!”

Secara tiba-tiba suasana hening dan dingin di bilik mesyuarat itu bertukar hangat. Dua-tiga orang pelajar mula bercakap sesama mereka rentetan persoalan dan bidasan yang dikemukakan Sarah.

“Fenomena yang lahir selepas Brexit ini masih terlalu baru dan tidak dapat kita ramal – bahayanya. Sejauh mana kebencian warga tempatan terhadap warga asing. Se-ekstrem mana tindakan yang sanggup mereka lakukan. Hari ini Zain dan Jimi dipukul. Saya risau jika kita tidak berwaspada sebaliknya meneruskan program ini, esok-lusa mungkin akan ada orang lain di sini yang menjadi mangsa! Selepas peristiwa kelmarin, kita risaukan keadaan Zain yang mungkin dijadikan sasaran selepas ini oleh penyerangnya. Apakah jaminan perkara ini tidak akan berulang?” tambah Sarah.

Selesai Sarah meluahkan kebimbangannya, Zain tersenyum lebar, seperti selalu. Zain berdehem kecil, melegakan tekaknya. Dia mahu mengambil “tempatnyanya” semula.

“Terima kasih atas pandanganmu, Sarah! Sangat bernas dan kritis. Kita memerlukan lebih ramai mahasiswa sepertimu untuk mengangkat pandangan-pandangan alternatif, untuk kita seimbangkan dengan pandangan arus perdana kini yang belum tentu pun benar atau salahnya.”

“Jadi, awak setuju dengan cadangan saya agar program ini dibatalkan? Tidak syak lagi ia amat berbahaya, bukan?” Sarah kelihatan separuh memaksa.

“Oh, belum lagi, Cik Sarah! Kita tidak boleh berbuat keputusan terburu-buru. Sebahagian daripada persiapan untuk program dialog harmoni ini telah pun dibuat oleh Jimi, Hafez dan lain-lain. Tidak adil untuk mereka jika kita batalkan ia begitu sahaja.” Zain mempertahankan. Senyumnya masih belum tertanggal di hujung bibir.

“Tapi sangat jelas program ini tidak selamat! Lihatlah keadaan awak sendiri! Adakah awak sanggup mempertaruhkan keselamatan rakan-rakan kita, persatuan ini, dan nyawa awak sendiri semata-mata untuk program yang belum pasti berjaya ini?” Sarah mula beremosi. Pipinya kemerah-merahan. Suasana mesyuarat menghangat walaupun suhu di luar serendah sepuluh darjah Celcius. Pelajar-pelajar lain tidak berani masuk campur dalam urusan yang sudah jadi seperti isu peribadi antara Zain dengan Sarah. Terutamanya Sarah.

“Apa yang berlaku ke atas saya dan Jimi adalah alasan paling kuat mengapa program ini perlu diteruskan. Kebencian yang timbul berpunca dari tiadanya interaksi antara kita. Manusia cenderung membenci perkara yang dia tidak tahu. Tentatif program sudah cukup baik. Kita akan mulakan pagi itu dengan acara gotong-royong membersihkan kawasan sekitar. Inilah masanya untuk kita berinteraksi dan berdialog dengan mereka seorang demi seorang, secara intim. Program dialog harmoni yang dijadualkan pada sebelah malam hanyalah satu formaliti untuk kita raikan pemimpin tempatan selain memperkenalkan diri kita kepada mereka dalam skala yang lebih besar.”

Sarah terdiam. Kata-kata Zain memang benar. Tapi dia amat risaukan keadaan Zain yang tidak sesuai untuk memimpin acara itu dengan keadaannya sekarang!

Pelajar lain belum berani mencelah. Mereka hanya mahu mengikuti dialog Zain dan Sarah dengan penuh minat. Disebabkan itu, sehingga petang persetujuan belum dapat dicapai.

III

Zain melunjurkan kakinya yang terasa tegang. Dia mungkin telah berjalan terlalu jauh siang tadi menyebabkan lututnya lenguh sementelah badannya masih belum pulih sepenuhnya. Dia menjenguk-jenguk saf-saf di belakang, memerhati kalau-kalau Farhan sudah tiba seperti yang dijanjikan. Jemaah masih ramai menyebabkannya tidak dapat mencari kelibat sahabatnya itu. Sebahagiannya mengerjakan solat sunat, ada

yang mengambil mashaf Al-Quran dari rak berhampiran, tidak kurang juga yang mengambil kesempatan bertemu dan bermesra dengan rakan-rakan mereka.

Zain sedang mengelamun mengenangkan suasana mesyuarat petang tadi ketika tiba-tiba bahunya ditepuk dari belakang. Farhan muncul dengan wajah resah, seresah suaranya lewat telefon siang tadi.

“Zain!” Bahunya dirangkul Farhan. Mereka berpelukan.

“Aku dimaklumkan yang kau dan Jimi dipukul. Bagaimana ini boleh terjadi, Zain?”

“Ha! Ha! Ha! Sebelum ini kita mengagungkan manusia yang berfikiran terbuka. Aku fikir pada masa akan datang kecenderungan ini perlahan-lahan akan hilang dan kita akan menyanjung orang yang bersifat sebaliknya. Lihatlah negara ini dengan Brexit-nya. Donald Trump pula menjadi Presiden Amerika Syarikat!”

“Apa maksudmu, Zain?”

“Maksudku, kita perlu bersedia dengan perubahan yang mungkin tidak akan menyenangkan kita. Di sebalik nilai tradisi yang kita pegang selama ini. Perubahan tidak semestinya baik, Farhan! Sebaliknya, nilai baik itu tidak semestinya akan diikuti oleh semua orang.”

“Aku semakin keliru denganmu.”

“Berada di negara orang, aku rindukan keluarga dan suasana di kampung. Aku tidak dapat berada bersama mereka, tapi apa yang boleh aku lakukan ialah kekal dengan nilai-nilai tradisi yang aku warisi dari mereka dan mengelak daripada terpengaruh dengan anasir tidak baik yang ada di sini. Nilai-nilai baik yang berakar dari warisan budaya bangsaku dan akhlak mulia yang diajarkan agama kita, Farhan! Itulah yang cuba aku pegang seerat-eratnya di sini. Tanpa nilai-nilai ini barangkali aku sudah lama hanyut dibawa arus deras budaya global yang lebih dominan.”

“Menurutku, nilai-nilai itu cukup jika kaupegang seorang. Maafkanku bertanya, mengapa kau begitu aktif berpersatuan, Zain?”

“Semulia mana pun nilai yang aku pegang, aku tidak akan mampu bertahan lama dengannya jika aku bersendirian, Farhan! Dugaannya terlalu kuat. Aku memerlukan gandingan tangan dari rakan-rakanku untuk memeganku sama agar tidak terlepas dari nilai-nilai yang aku cakapkan tadi.”

“Aku bangga punya rakan sepertimu. Oh, ya! Bagaimana mesyuaratmu tadi petang? Tetap dengan keputusan untuk meneruskan program itu?”

“Ha! Ha! Sarah berkeras mahu membatalkan program itu atas alasan keselamatan. Puas aku menerangkan kepadanya.”

“Lalu?”

“Aku memilih jalan demokrasi. Aku buka undian kepada ahli mesyuarat – meneruskan, atau membatalkan.”

“Keputusannya?”

“Sarah mempunyai kemahiran memujuk yang tinggi. Tapi aku juga ada senarai hujahku sendiri. Hmm..., Farhan! Dari tadi hanya kau yang bertanya soalan. Sekarang aku ingin bertanya kepadamu. Dari mana kau tahu yang aku dan Jimi dipukul?”

Farhan diam. Dia tahu Zain sengaja menangguh menjawab soalnya kerana dia sendiri punya soalan yang ingin ditanyakan kepada Farhan. Taktik tawar-menawar sebegini setahu Farhan hanya dikuasai oleh seorang ahli politik!

“Aku dimaklumkan lewat WhatsApp oleh seseorang yang kufikir sealiran denganmu dan sangat mengambil berat terhadapmu. Tadi ada kaukatakan tentang gandingan tangan rakan-rakan yang kauperlukan, bukan? Menurutku, orang ini adalah pemilik tangan itu.” Farhan sengaja menebak rakannya itu.

“Siapa?” Tiba-tiba Zain jadi tertanya-tanya.

“Sarah!” Senyum Farhan makin lebar.

“Hah? Tak mungkin! Macam mana Sarah tahu?” Zain terkejut dan seakan tidak percaya.

“Kau perlu jawab soalku tadi terlebih dahulu, Zain!”

Zain bangun dari duduknya. Dia mahu tersenyum tapi dia perlu menjawab soalan Farhan terlebih dahulu.

“Kami memilih untuk meneruskan program itu, Farhan! Bahaya ada di mana-mana, tetapi jika kita berani menutup puncanya, ia tidak akan tumbuh dan merebak. Kebencian perlu dicantas dari awal dan digantikan dengan kasih-sayang,” ucap Zain penuh semangat.

Farhan mendongak melihat Zain yang tiba-tiba berdiri. Dia tertawa kecil melihat Zain yang tersenyum apabila melafazkan perkataan “kasih-sayang” sebentar tadi.